

Menteri, Nube bertelagah isu piket

KUALA LUMPUR: Ahli Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Bank (Nube) tidak boleh mengadakan piket berhubung tuntutan kenaikan gaji, bonus dan pemberian elaun sara hidup (Cola) kerana tindakan itu menyalahi undang-undang berikutan tuntutan berkenaan sudah dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan, kata Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr Fong Chan Onn.

Beliau berkata, perbuatan mengadakan piket selepas kes dirujuk ke mahkamah bertentangan dengan undang-undang.

Katanya, beliau mengemukakan kes tuntutan Nube itu kepada Mahkamah Perusahaan baru-baru ini selepas pihak majikan dan Nube gagal mencapai persetujuan berhubung tuntutan yang dibuat itu.

"Inilah jalan penyelesaian terbaik selepas kedua-dua pihak gagal mencapai persetujuan, biarlah mahkamah buat keputusan.

"Dalam keadaan sekarang selepas kes itu dirujuk ke mahkamah, polis boleh mengambil tindakan terhadap sesiapa yang mengadakan piket kerana perbuatan itu menyalahi undang-undang... kena tunggu keputusan Mahkamah Perusahaan," katanya kepada *Berita Minggu* ketika dihubungi, semalam.

Bagaimanapun, Setiausaha Agung Nube, J Solomon, berkata mengikut Akta Buruh tiada sebarang peruntukan yang melarang ahli kesatuan daripada mengadakan piket meskipun kes tuntutan sudah dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan.

Sehubungan itu, katanya, Nube akan meneruskan piket di cawangan Maybank tertentu di seluruh Semenanjung, esok.

Nube menuntut kenaikan gaji 30 peratus bagi lebih 30,000 kerani dan kakitangan bukan perkeranian serta bonus dua bulan dan pemberian elaun sara hidup (Cola) berikutan peningkatan kos sara hidup.

Nube mula mengadakan beberapa siri piket di beberapa negeri bermula 11 September lalu, dan yang terakhir 9 Oktober lalu di hadapan Menara Maybank di sini.

Solomon berkata Nube akan terus mengadakan piket selepas hari raya untuk memastikan mereka hidup lebih selesa.

Solomon ketika dihubungi semalam, berkata kenyataan Dr Fong mengatakan piket tidak boleh dilakukan selepas kes dirujuk ke Mahkamah Perusahaan, adalah tidak tepat kerana tiada sebarang peruntukan dalam Akta Buruh yang melarang ahli kesatuan mengadakan piket meskipun tuntutan dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan.

Beliau berkata, pihaknya juga terkejut apabila mendapat tahu Dr Fong merujuk kes tuntutan itu kepada mahkamah tanpa terlebih dulu mengadakan mesyuarat runding damai antara Nube dan majikan yang disertai pegawai Kementerian.

Beliau berkata, Nube akan mengadakan piket di cawangan Maybank tertentu di seluruh Semenanjung mulai Isnin ini dan sudah mengedarkan kira-kira 10,000 pelek kereta kepada ahli.